



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN



# Modul Pentaksiran INTERVENSI **MASYHUR**

PENAJA

Dr. Hayati binti Jaafar  
Pakar Kanak - Kanak  
Hospital Pantai, Ayer Keroh. Melaka  
014 - 3157553

**SPM  
2024**

**PRINSIP PERAKAUNAN**

# **PENTAKSIRAN INTERVENSI MASYHUR**

Edisi 1 : 2021

Edisi 2 : 2022

Edisi 3 : 2023

Edisi 4 : 2024

## **@ Hak Cipta Terpelihara**

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan bahan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit. Tanggungjawab hak cipta tidak ada kena mengena dengan maklumat yang terkandung di dalam bahan ini.

### **Penerbit:**

**PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH JASIN**

Jalan Pegawai, 77000 Jasin. Melaka

### **Tajaan Penerbitan:**

**DR. HAYATI BINTI JAAFAR**

Klinik Pakar Kanak-Kanak  
Hospital Pantai, Ayer Keroh. Melaka

### **Suntingan Grafik oleh:**

**Remy Azman bin Abdul Rashid**

**Siti Zainab binti Mat Nor**

**Nurul Fareha binti Rosli**

**Amiza binti Mad Zin**

**Mohammad Firdhaus bin Abu Bakar**

Pegawai Unit Sumber Teknologi Pendidikan

Pejabat Pendidikan Daerah Jasin

### **Dicetak oleh:**

**KHIDMAT JAYA ENT SDN. BHD**

No 24 Jalan Kerambit 5, Bandar Baru Sungai Udang

76300 Melaka

Tel: 012-7215480

Email: [printing@khidmatjaya.com.my](mailto:printing@khidmatjaya.com.my)

## *Mutiara Kata Bingkisan Hati*

### **PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH JASIN**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Salam Malaysia Madani.

Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik, Negara Sejahtera.

# ppdjasinBITARA



Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya telah berjaya menerbitkan Pentaksiran Intervensi Masyhur.

Ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya titipkan kepada Dr. Hayati binti Jaafar, Pakar Kanak-Kanak, Hospital Pantai Ayer Keroh Melaka kerana menabur budi dan bekerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah Jasin. Dr Hayati memperuntukkan dana dengan menaja Program Pentaksiran Intervensi Masyhur.

Beliau telah menaja penerbitan Pentaksiran Intervensi Masyhur bagi 15 subjek teras dan elektif edisi ke 4. Pentaksiran ini banyak membantu calon-calon Sijil Pelajaran Malaysia khasnya untuk melaksanakan aktiviti pengayaan dan pengukuhan sebelum menduduki peperiksaan. Penggunaan pentaksiran ini menyumbang kepada peningkatan Gred Purata Daerah saban tahun. Justeru itu, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak terutama barisan penulis yang telah bertungkus lumus menghasilkan pentaksiran lengkap ini. Mudah-mudahan bahan pentaksiran ini akan terus dijadikan rujukan dan refleksi terhadap inisiatif guru untuk melonjakkan kualiti pendidikan di daerah Jasin

Melalui penerbitan Pentaksiran Intervensi Masyhur ini juga dapat dijadikan bahan untuk mengukuhkan lagi persediaan calon Sijil Pelajaran Malaysia dalam menghadapi peperiksaan. Pentaksiran ini merupakan dokumen yang komprehensif, dinamik dan realistik bagi memantapkan intelektual murid ke arah kecemerlangan yang mampan dan memberi impak tinggi dalam kemenjadian murid dan kecemerlangan sekolah.

Oleh itu, kejayaan dalam menghasilkan Pentaksiran Intervensi Masyhur ini diiringi dengan niat dan azam yang tinggi, dapat menggalas amanah dan tanggungjawab dalam membentuk modal insan cemerlang di dunia dan di akhirat. Sementelahan, diharapkan usaha murni ini dapat diteruskan agar melahirkan generasi masyarakat yang gemilang sesuai dengan agenda pendidikan negara.

Sekian, terima kasih.

*Menjana Pendidikan Ke Aras Kecemerlangan Global*

**MOHD YUSOF BIN SAID B.C.M**

**PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH JASIN**

## *Mengungkap Tinta Inspirasi Ilmu*

### **TIMBALAN SEKTOR PEMBELAJARAN**

Assalamualaikum wbt wrt dan Salam Sejahtera  
Salam Malaysia Madani  
Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik Negara Sejahtera.  
#ppdjasinBITARA



Alhamdulillah, dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah Taala, Modul Pentaksiran Intervensi Masyhur telah berjaya diterbitkan dengan jayanya. Kejayaan ini adalah hasil limpah rahmat dan inayah-Nya yang tiada terhingga.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Hayati binti Jaafar, Pakar kanak-Kanak, Hospital Pantai Ayer Keroh Melaka kerana menabur budi dan memberikan kerjasama erat dengan Pejabat Pendidikan Daerah Jasin. Penerbitan modul Pentaksiran Intervensi Masyhur ini tidak mungkin direalisasikan tanpa sokongan dan komitmen jitu daripada pihak penaja yang terlibat.

Modul ini dirancang dengan tujuan yang jelas: untuk memperkasa para pendidik dalam melaksanakan penilaian yang berfokus dan berkualiti, serta mempamerkan pelbagai teknik dan alat pentaksiran yang boleh digunakan. Diharapkan bahan ini menjadi sumber rujukan yang berkesan dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan dan pentaksiran di kalangan pendidik dan murid.

Pentaksiran Intervensi Masyhur bukan sekadar sebuah modul, tetapi merupakan alat penting dalam proses pengukuhan pembelajaran. Penggunaannya yang meluas merangkumi pelbagai mata pelajaran menjadikannya satu keperluan yang kritikal dalam dunia pendidikan. Keistimewaan modul ini terletak pada keseragaman dalam pentaksiran, di mana penulis merujuk kepada analisis data *Continuous Quality Improvement* (CQI@Jasin) sebagai petunjuk prestasi. Keseragaman ini memastikan keadilan dan ketelusan dalam proses pembelajaran, di mana murid dinilai berdasarkan standard yang sama.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini. Kepada panel penulis yang mencurahkan masa dan tenaga mereka untuk menghasilkan kandungan yang berkualiti, serta jawatankuasa kerja yang tidak mengenal lelah dalam memberikan sokongan logistik dan moral, jasa kalian amatlah dihargai.

Akhir kata, semoga Pentaksiran Intervensi Masyhur ini mampu menjadi alat yang efektif dalam meningkatkan kualiti pendidikan melalui pentaksiran yang berstruktur dan komprehensif, serta menyumbang kepada peningkatan prestasi kejayaan calon SPM.

Sekian, terima kasih.  
*Mengakselerasi Pendidikan Madani*

**DR. HAJI MOHD ALFOUZII BIN NASIR**  
**TIMBALAN SEKTOR PEMBELAJARAN**

**HJH NORLIZAH BINTI ABU BAKAR**  
PENYELARAS - SISC+ - PPD Jasin



**NORLIZA BINTI ABDULLAH**  
KETUA PANEL - SMK Seri Mahkota



**NORSAHIAT BIN RUSLI**  
SMK Sungai Rambai



**NOORHASNIDA BINTI ALIAS**  
SMK Iskandar Shah



**NORLAILA BINTI NORDIN**  
SMK Iskandar Shah



**NORIANI BINTI ABD LATIF**  
SMKA Tun Perak



**MOHD IRWAN BIN ABDUL AZIZ**  
SM Tahfiz Al Quran JAIM



**SITI SALBIAH BINTI AHMAD**  
SMK Selendar



**AZITAH BINTI MOHD ARIS**  
SMK Nyalas



**SITI NUR HIDAYAH BINTI MOHD KALIT**  
SMK Tun Syed Zahiruddin



**HAWA BINTI SALLEH**  
SMK Datuk Bendahara



# **FORMAT PENTAKSIRAN MATA PELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN SPM**

## **KOD 3756**

Bil.	Perkara	Kertas 1 (3756/1)	Kertas 2 (3752/2)	Kertas 3 (3756/3)
1	Jenis Instrumen	Ujian Bertulis	Ujian Bertulis	Projek
2	Jenis Item	Objektif Aneka Pilihan	Subjektif Respon Terhad dan Struktur	Tugasan Perakaunan
3	Bilangan Soalan	40 soalan (Wajib)  Bahagian B: 3 Soalan (Pilih 2) (40 markah)	Bahagian A: 3 soalan (Wajib) (60 markah)	Satu tugas
4	Jumlah Markah	40 markah	100 markah	100 markah
5	Wajaran	20%	60%	20%
6	Konstruk	Mengingat dan memahami  Kemahiran mengaplikasi	Mengingat dan memahami  Kemahiran mengaplikasi, menganalisisi, menilai dan mencipta, menyelesaikan masalah, membuat keputusan  Nilai	Kemahiran ICT, mengaplikasi, menganalisisi, menilai dan mencipta, menyelesaikan masalah, membuat keputusan  Nilai
7	Tempoh Ujian	1 jam 15 minit	2 jam 30 minit	Tingkatan 5
8	Cakupan Konteks	Bidang pembelajaran Tingkatan 4 dan 5		
9	Aras Kesukaran	R : S : T 5 : 3 : 2		
10	Kaedah Penskoran	Dikotomus	Analitik	Rubrik penskoran
11	Alatan Tambahan	Kalkulator saintifik	Kalkulator saintifik	Kalkulator saintifik dan peralatan ICT

---

**MASYHUR 2024**

**PRINSIP PERAKAUNAN**

**SOALAN**

---

## BAHAGIAN A: SOALAN 1

### Tingkatan 4

1. Nyatakan ciri kepimpinan seorang akauntan bagi pernyataan tersebut;

Bil	Pernyataan	Ciri-ciri Kepimpinan
i.	Tanggungjawab individu atau jabatan untuk melaksanakan fungsi tertentu dalam perakaunan.	
ii.	Keupayaan akauntan untuk menyampaikan maklumat perakaunan secara adil dan objektif kepada semua pihak yang berkepentingan dalam perniagaan.	

2. Berikan dua contoh belanja operasi.  
 3. Nyatakan dokumen perniagaan bagi setiap urusniaga berikut;  
 (i) Beli barang niaga secara kredit  
 (ii) Jual aset bukan semasa secara kredit  
 4. Nyatakan tiga urus niaga yang direkodkan dalam Jurnal Am.  
 5. Nyatakan dua tujuan penyediaan Akaun Kawalan.  
 6. Nyatakan sistem inventori bagi setiap huraiyan berikut;

Bil	Huraiyan	Sistem Inventori
i.	Peniaga tidak menyimpan rekod inventori keluar dan masuk. Inventori akan ditentukan pada akhir suatu tempoh perakaunan.	
ii.	Peniaga akan dapat mengesan pergerakan keluar dan masuk.	
iii.	Digunakan oleh pasar raya besar	

7. Berikan dua contoh akaun nyata dan nyatakan sebab akaun nyata tidak ditutup.  
 8. Nyatakan empat jenis pelarasan pada tarikh imbangan.  
 9. Nyatakan kesilapan berikut;

Bil	Perkara	Jenis kesilapan
i.	Bayaran gaji RM3 000 telah didebitkan dalam Akaun Gaji tetapi tidak direkodkan dalam Akaun Tunai.	
ii.	Membayar pengiklanan RM1 000 dengan tunai direkodkan di bahagian debit Buku Tunai dan Akaun Pengiklanan di bahagian kredit..	

## Tingkatan 5

Mengukur keupayaan perniagaan membuat pembayaran kepada pihak luaran seperti pembekal dan bank dalam jangka masa pendek

1. Nyatakan nisbah yang tepat bagi maklumat di atas.
2. Berikan dua implikasi rekod tak lengkap.
3. Nyatakan dua alternatif yang boleh diambil oleh peniaga untuk mengatasi kurangan Belanjawan Tunai.
4. Nyatakan dua perkara yang terkandung dalam Bahagian IV Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961.
5. Berikan dua perbezaan antara Syer Biasa dan Syer Keutamaan.
6. Nyatakan jenis yuran bagi keterangan di bawah.

Bil	Keterangan	Jenis Yuran
i.	Yuran belum terima pada tahun kewangan yang lepas dihapuskan dalam tahun perakaunan semasa kerana tidak dapat dikutip daripada ahli.	
ii.	Yuran yang dibayar oleh ahli yang baru.	

7. Molek Enterprise adalah perniagaan yang menjual alat-alat ganti kereta. Berikut adalah maklumat yang diambil daripada buku perniagaan:

Harga Jualan Seunit	RM20
Jumlah Kos Berubah	RM120 000
Kos tetap	RM80 000
Unit Keluaran/ Volum	20 000 unit

Anda dikehendaki menghitung

- a) Kos berubah seunit

## PERSAMAAN PERAKAUNAN

Encik Ramly ialah pemilik Perniagaan Seri Mutiara. Berikut adalah baki-baki aset, liabiliti, dan ekuiti pemilik perniagaan pada 30 September 2023.

Perabot	37 500
Alatan pejabat	17 300
Inventori	17 400
Akaun Belum Terima	13 450
Bank	26 300
Akaun Belum Bayar	18 220
Modal	71 250
Untung bersih	22 480

Urus niaga berikut berlaku dalam bulan Oktober 2023

- (i) Membeli barang niaga RM8 000 secara kredit
- (ii) Jual  $\frac{1}{4}$  daripada barang niaga secara kredit kepada Kedai Runcit Zul pada harga RM9 350
- (iii) Membayar Akaun Belum Bayar RM10 520 dengan cek dan terima diskau RM800.
- (iv) Terima cek daripada Akaun Belum Terima berjumlah RM9 800. Diskau diberi RM500.
- (v) Pemilik telah mengeluarkan cek RM975 untuk membayar insurans.
- (vi) Kedai Runcit Zul memulangkan barang niaga berharga RM875 kerana rosak.
- (vii) Sekeping cek daripada Akaun Belum Terima RM1 500 telah dipulangkan oleh bank dengan bertanda “Rujuk Penyuruh Bayar”.
- (viii) Sebuah komputer lama bernilai RM1 880 telah dijual dengan harga RM1 225. Wang yang diterima telah digunakan untuk menjelaskan sewa kedai RM1 200 dan bakinya dibankkan.
- (ix) Pemilik membawa masuk mesin pencetak peribadi bernilai RM1 050 ke pejabat.
- (x) Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan kepada 5% atas Akaun Belum Terima
- (xi) Alatan Pejabat disusutnilaikan 10% mengikut kaedah garis lurus.

Anda dikehendaki :

- a) Melengkapkan Jadual Persamaan Perakaunan di Lampiran A.

## DOKUMEN SUMBER KE BUKU CATATAN PERTAMA

Cik Vida ialah pemilik Butik Vida yang membekal dan menjual pelbagai pakaian di bandar Merlimau. Berikut ialah baki-baki yang diambil daripada buku perniagaannya pada 1 Mei 2024:

	<b>RM</b>
Tunai di bank	20 509
Tunai di tangan	1 500
Tunai Runcit	500
Inventori	25 000
Perabot	9 980
Akaun Belum Bayar – Ali Sdn Bhd	10 345
Modal	?

Berikut adalah dokumen Butik Vida berdasarkan urus niaga sepanjang bulan Mei 2024:

Tarikh	1 Mei 2024	
Penerima	Majlis Perbandaran Jasin	
Tujuan	Sewa	
	<b>Ringgit</b>	<b>Sen</b>
Baki akhir	20 509	00
Dimasukkan		
Jumlah	20 509	00
Cek ini	2 000	00
Baki	18 509	00

No: SSB 465825

**Keratan Cek**  
**DOKUMEN 1**

<b>BUTIK VIDA</b> No 5 Jalan MU 3 77300, Merlimau, Melaka.	<b>INVOIS</b> No: 1111 Salinan Tarikh: 5 Mei 2024		
Kepada:			
<b>ARZAEIN DESIGN</b> Lot 19 Bangunan MARA 77000, Jasin Bestari, Jasin.			
Butir	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah
		RM	RM
Tudung Arisyah	30	40	1 200
Baju Kedah	10	60	600
Kebaya Labuci	10	150	1 500
			3 300
Tolak diskaun niaga 10%			330
			<b>Jumlah</b>
			<b>2 970</b>

(Ringgit Malaysia: Dua ribu Sembilan ratus tujuh puluh sahaja)

Syarat: 10% 5 hari, 5% 14 hari  
(Pengurus)

**DOKUMEN 3**

<b>ZAMAN TEKSTIL SDN BHD</b>	<b>INVOIS</b>		
No 6, Jalan Hamzah 84000 Muar, Johor Darul Takzim	No: 1533 Asal Tarikh: 3 Mei 2024		
Kepada:			
<b>BUTIK VIDA</b> No 5 Jalan MU 3 77300, Merlimau, Melaka.			
Butir	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah
		RM	RM
Tudung Natasya	10	30	300
Kain Lace	20	5	100
Kain Sonata	30	6	180
			580
Tolak diskaun niaga 10%			58
			<b>Jumlah</b>
			<b>522</b>

(Ringgit Malaysia: Lima ratus dua puluh dua sahaja)

Syarat: 10% 7 hari, 5% 14 hari  
(Pengurus)

*Ariff*  
(Pengurus)

**DOKUMEN 2**

<b>BANK MAKMUR BHD</b>	<b>MAKLUMAN DEBIT</b>	
No 24 Jalan Pasar 77300, Taman Debunga Merlimau.	Tarikh: 5 Mei 2024	
Kepada:		
<b>BUTIK VIDA (Acc: 180473079008)</b> No 5 Jalan MU 3 77300, Merlimau, Melaka.		
Akaun tuan telah didebitkan seperti berikut:		
Butir	Arahan Tetap: Bayaran insurans kedai kepada Multi Insurans Sdn Bhd	Jumlah
		RM850

(Ringgit Malaysia : Lapan ratus lima puluh sahaja)  
(Pengurus)

*Syazwan*  
(Pengurus)

**DOKUMEN 4**

<b>BUTIK VIDA</b>		<b>BIL TUNAI</b>																																	
No 5 Jalan MU 3 77300, Merlimau, Melaka.		No: 112 Salinan																																	
Tarikh: 11 Mei 2024																																			
Kepada: <b>KEDAI KAIN SAMARINDA</b>																																			
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Butir</th> <th>Kuantiti</th> <th>Harga Seunit</th> <th>Jumlah</th> </tr> <tr> <th></th> <th></th> <th>RM</th> <th>RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tudung Natasya</td> <td>4</td> <td>60</td> <td>240</td> </tr> <tr> <td>Baju Kurung</td> <td>4</td> <td>90</td> <td>360</td> </tr> <tr> <td>Kebaya bersulam</td> <td>5</td> <td>120</td> <td>600</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> <td>1 200</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Tolak diskoun niaga 15%</td> <td colspan="2">180</td> </tr> <tr> <td></td> <td><b>Jumlah</b></td> <td colspan="2"><b>1 020</b></td> </tr> </tbody> </table>				Butir	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah			RM	RM	Tudung Natasya	4	60	240	Baju Kurung	4	90	360	Kebaya bersulam	5	120	600				1 200	Tolak diskoun niaga 15%		180			<b>Jumlah</b>	<b>1 020</b>	
Butir	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah																																
		RM	RM																																
Tudung Natasya	4	60	240																																
Baju Kurung	4	90	360																																
Kebaya bersulam	5	120	600																																
			1 200																																
Tolak diskoun niaga 15%		180																																	
	<b>Jumlah</b>	<b>1 020</b>																																	
(Ringgit Malaysia: Seribu dua puluh sahaja)																																			
Tunai / Cek: 223272																																			
<i>Vidaha</i> (Pengurus)																																			

#### DOKUMEN 5

<b>BUTIK VIDA</b>		<b>NOTA KREDIT</b>																					
No 5 Jalan MU 3 77300, Merlimau, Melaka.		No: 5000 Salinan																					
Tarikh: 11 Mei 2024																							
Kepada: <b>ARZAEIN DESIGN</b>																							
Lot 19 Bangunan MARA 77000, Jasin Bestari, Jasin.																							
Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:																							
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Butir</th> <th>Kuantiti</th> <th>Harga Seunit</th> <th>Jumlah</th> </tr> <tr> <th></th> <th></th> <th>RM</th> <th>RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tudung Arisyah (dipulangkan tersalah jenama)</td> <td>6</td> <td>40</td> <td>240</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Tolak diskoun niaga 10%</td> <td colspan="2">24</td> </tr> <tr> <td></td> <td><b>Jumlah</b></td> <td colspan="2"><b>216</b></td> </tr> </tbody> </table>				Butir	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah			RM	RM	Tudung Arisyah (dipulangkan tersalah jenama)	6	40	240	Tolak diskoun niaga 10%		24			<b>Jumlah</b>	<b>216</b>	
Butir	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah																				
		RM	RM																				
Tudung Arisyah (dipulangkan tersalah jenama)	6	40	240																				
Tolak diskoun niaga 10%		24																					
	<b>Jumlah</b>	<b>216</b>																					
(Ringgit Malaysia : Dua ratus enam belas sahaja)																							
Syarat: 10% 5 hari, 5% 14 hari																							
<i>Vidaha</i> (Pengurus)																							

#### DOKUMEN 6

<b>KOMPUTER VITACOM</b>		<b>INVOIS</b>																													
No 30 Jalan MU 14, 77300, Merlimau, Melaka.		No: 1112 Asal																													
Tarikh: 14 Mei 2024																															
Kepada: <b>BUTIK VIDA</b>																															
No 5 Jalan MU 3 77300, Merlimau, Melaka.																															
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Butir</th> <th>Kuantiti</th> <th>Harga Seunit</th> <th>Jumlah</th> </tr> <tr> <th></th> <th></th> <th>RM</th> <th>RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Komputer</td> <td>1</td> <td>1 999</td> <td>1 999</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td><b>Jumlah</b></td> <td colspan="2"><b>1 999</b></td> </tr> </tbody> </table>				Butir	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah			RM	RM	Komputer	1	1 999	1 999														<b>Jumlah</b>	<b>1 999</b>	
Butir	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah																												
		RM	RM																												
Komputer	1	1 999	1 999																												
	<b>Jumlah</b>	<b>1 999</b>																													
(Ringgit Malaysia: Seribu sembilan ratus sembilan puluh sembilan sahaja)																															
<i>Kartika</i> (Pengurus)																															

#### DOKUMEN 7

<b>ZAMAN TEKSTIL SDN BHD</b>		<b>NOTA DEBIT</b>																					
No 6, Jalan Hamzah 84000 Muar, Johor Darul		No: 0160 Asal																					
Takzim																							
Tarikh: 15 Mei 2024																							
Kepada: <b>BUTIK VIDA</b>																							
No 5 Jalan MU 3 77300, Merlimau, Melaka.																							
Akaun tuan telah didebitkan dengan perkara berikut:																							
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Butir</th> <th>Kuantiti</th> <th>Harga Seunit</th> <th>Jumlah</th> </tr> <tr> <th></th> <th></th> <th>RM</th> <th>RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tudung Natasya (terkurang caj Invois 1533)</td> <td>10</td> <td>10</td> <td>100</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Tolak diskoun niaga 10%</td> <td colspan="2">10</td> </tr> <tr> <td></td> <td><b>Jumlah</b></td> <td colspan="2"><b>90</b></td> </tr> </tbody> </table>				Butir	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah			RM	RM	Tudung Natasya (terkurang caj Invois 1533)	10	10	100	Tolak diskoun niaga 10%		10			<b>Jumlah</b>	<b>90</b>	
Butir	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah																				
		RM	RM																				
Tudung Natasya (terkurang caj Invois 1533)	10	10	100																				
Tolak diskoun niaga 10%		10																					
	<b>Jumlah</b>	<b>90</b>																					
(Ringgit Malaysia : Sembilan puluh sahaja)																							
<i>Aniff</i> (Pengurus)																							

#### DOKUMEN 8

**BUTIK VIDA**

No 5 Jalan MU 3

77300, Merlimau, Melaka.

**MEMO**

Tarikh: 21 Mei 2024

**PERHATIAN:**

Pemilik telah mengambil 2 pasang baju Kedah berkos RM50 sepasang untuk dihadiahkan sempena hari lahir ibunya.

*Vidaha*

(Pengurus)

**DOKUMEN 9****BUTIK VIDA**

No 5 Jalan MU 3

77300, Merlimau, Melaka.

**RESIT RASMI**

No: 233

Salinan

Tarikh: 22 Mei 2024

Diterima daripada : Arzaein DesignRinggit Malaysia : Dua ribu tujuh ratus sahaja  
(Diskaunt tunai RM54)Untuk bayaran : Menjelaskan hutang**RM2 700**

Tunai / Cek: DRB 008062

*Vidaha*

(Pengurus)

**ZAMAN TEKSTIL SDN BHD****RESIT RASMI**

No 6, Jalan Hamzah

No: 2122

84000 Muar, Johor Darul

Asal

Takzim

Tarikh: 22 Mei 2024

Diterima daripada : Butik VidaRinggit Malaysia : Enam ratus dua belas sahajaUntuk bayaran : Menjelaskan semua hutang**RM612**

Tunai / Cek: SSB 465826

*Ariff*

(Pengurus)

**DOKUMEN 11****BAUCAR TUNAI RUNCIT****BUTIK VIDA**

No 5 Jalan MU 3

77300, Merlimau, Melaka

TARIKH	KETERANGAN	JUMLAH
24 Mei 24	Surat Khabar (langganan sebulan)	78.00

*Vidaha*

(Pengurus)

**DOKUMEN 13****BUTIK VIDA****RESIT RASMI**

No: 233

Salinan

Tarikh: 22 Mei 2024

Diterima daripada : Arzaein DesignRinggit Malaysia : Dua ribu tujuh ratus sahaja  
(Diskaunt tunai RM54)Untuk bayaran : Menjelaskan hutang**RM2 700**

Tunai / Cek: DRB 008062

*Vidaha*

(Pengurus)

**DOKUMEN 10****BUTIK VIDA****BAUCAR****BAYARAN**

No: 0211

No 5 Jalan MU 3

77300, Merlimau, Melaka.

Tarikh: 23 Mei 2024

Kepada:

Tenaga Nasional Bhd  
Machang, Kelantan

Butir	Jumlah
Bil elektrik bulan Mei 2024	RM140

(Ringgit Malaysia: Seratus empat puluh sahaja )

Tunai / Cek:

*Vidaha*

(Pengurus)

**DOKUMEN 12****BAUCAR TUNAI RUNCIT****BUTIK VIDA**

No 5 Jalan MU 3

77300, Merlimau, Melaka

TARIKH	KETERANGAN	JUMLAH
24 Mei 24	Membeli pintu kedai	55.00

*Vidaha*

(Pengurus)

**DOKUMEN 14**

<b>BANK MAKMUR BERHAD</b>		
SLIP TRANSAKSI PERBANKAN ELEKTRONIK		
TRANSACTION RECORD : DEPOSIT		
Amount	Date	Time
RM1 000.00	30/5/2024	05.22PM
LOCATION : MERLIMAU		
A/C NO : 80473079008		
RM10 = 0      RM20 = 0      RM50 = 20		
SILA SIMPAN PENYATA UNTUK REKOD ANDA		

### DOKUMEN 15

Anda dikehendaki :

Merekod dokumen-dokumen di atas dalam :

- a) Jurnal Am
- b) Jurnal Jualan
- c) Jurnal Belian
- d) Jurnal Pulangan Jualan
- e) Buku Tunai
- f) Buku Tunai Runcit dengan bahagian analisis surat khabar dan belanja am.

## PENYEDIAAN BUKU TUNAI DAN BUKU TUNAI RUNCIT

1. Perniagaan Lalago telah beroperasi sejak tahun 2020. Setiap bulan dana tunai runcit diperuntukkan sebanyak RM300. Berikut merupakan urus niaga yang berlaku sepanjang bulan Januari 2024.

		RM
Januari	1	Tunai di tangan
		480
		Tunai di bank
		19 800
		Tunai runcit
		60
	3	Menerima cek daripada Peniaga Sheng RM480 dan memberinya diskaun tunai RM40.
		Belian setem dan surat berdaftar RM10.
	5	Jualan tunai sebanyak RM330 dibankkan.
	6	Membayar insurans dengan cek RM170.
		Upah mencuci pejabat RM40.
	7	Kertas A4 dan dakwat RM19.
	8	Membeli alat tulis secara tunai RM30.
	12	Menjelaskan hutang Lim Trading dengan cek RM720.
		Terima diskaun tunai RM30.
	13	Tunaikan cek untuk kegunaan pejabat RM100.
		Kertas karbon RM14.
	15	Sampul surat RM5.
	16	Membayar kadar bayaran secara tunai berjumlah RM120.
		Pembaikan mesin fotostat RM65.
	17	Belian komputer secara kredit RM2 800.
	19	Alas meja dan pembalut bernilai RM12.
	20	Membeli barang niaga dengan cek bernilai RM400.
		Susu, gula dan kopi pejabat RM12.
	21	Pos bungkusan bernilai RM7.
	23	Menerima cek bernilai RM250 daripada Kedai Osman dan memberinya diskaun tunai RM25.
	25	Membeli pewangi pejabat RM15.
	28	Bank memulangkan cek Kedai Osman bertanda “Rujuk penyuruh bayar”.
		Membayar gaji pekerja sebanyak RM1 500 dengan cek.
	30	Membayar belanja persendirian dengan cek bernilai RM90.
		Pemadam getah dan cecair RM8.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- a) Buku Tunai.
- b) Buku Tunai Runcit dengan lajur analisis pembayaran Pos, Alat tulis dan Belanja pejabat.

## BUKU CATATAN PERTAMA KE LEJAR

Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Marissa pada bulan Mei 2024.

### Buku Tunai

Tarikh	Butir	F	Disk	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	F	Disk	Tunai	Bank
2024						2024					
Mei 1	Baki b/b			400	25 000	Mei 4	Belian				800
6	Jualan			200	600	8	Ambilan			600	
12	Kedai Alam		50		700	10	Alisha Trading		50		540
16	Tina Enterprise		20		480	16	Kedai Alam				700
19	Komisen				350	20	Promosi				310
29	Bank			500		26	Utiliti				1200
						29	Tunai				500
						31	Baki h/b			500	23 080
			70	1 100	27 130				50	1 100	27 130
Jun 1	Baki b/b			500	23 080						

### Jurnal Am

Tarikh	Butir	F	Debit	Kredit
2024 Mei 1	Tunai Bank Modal (Merekod baki-baki aset dan modal pada tarikh ini)		400 25 000	25 400
16	Kedai Alam Diskaun diberi (Merekod diskau diberi dibatalkan)		50	50

### Jurnal Belian

Tarikh	Butir	F	Jumlah
2024 Mei 2	Alisha Trading		1 800
31	Akaun Belian		1 800

### Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	F	Jumlah
2024 Mei 4	Kedai Alam		1 500
6	Tina Enterprise		1 400
31	Akaun Jualan		2 900

**Jurnal Pulangan Belian**

<b>Tarikh</b>	<b>Butir</b>	<b>F</b>	<b>Jumlah</b>
2024 Mei 9	Alisha Trading		240
31	Akaun Pulangan Belian		240

**Jurnal Pulangan Jualan**

<b>Tarikh</b>	<b>Butir</b>	<b>F</b>	<b>Jumlah</b>
2024 Mei 10	Kedai Alam		60
31	Akaun Pulangan Jualan		60

Anda dikehendaki memindahkan catatan daripada buku catatan pertama di atas ke dalam lejar.

## PENYEDIAAN AKAUN KAWALAN

Butir-butir berikut telah dipetik daripada buku-buku Perniagaan Syahmie :

	RM
Baki kredit lejar belian pada 1 Januari 2023	4 258
Baki debit lejar belian pada 1 Januari 2023	93
Baki debit lejar jualan pada 1 Januari 2023	6 240
Baki kredit lejar jualan pada 1 Januari 2023	48
Belian	48 246
Faedah dikenakan oleh pembekal	215
Jualan	63 205
Pulangan jualan	846
Diskaun diterima	408
Pulangan belian	342
Hutang lapuk	205
Diskaun diberi	541
Menerima cek daripada pelanggan termasuk RM46 hutang lapuk pulih	60 203
Cek tak laku daripada pelanggan	176
Bayar Akaun Belum Bayar dengan cek	41 415
Pindahan baki kredit lejar belian	160
Tambahan peruntukan hutang ragu pada 31 Disember 2023	150
Baki debit lejar belian pada 31 Disember 2023	148
Baki kredit lejar jualan pada 31 Disember 2023	54

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun kawalan lejar belian
- (b) Akaun kawalan lejar jualan

## PENYEDIAAN AKAUN-AKAUN PELARASAN

### Hasil

Penyata Kedudukan Kewangan berikut diperoleh daripada buku perniagaan Maswa Enterprise

### Maswa Enterprise

#### Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 (petikan)

	Kos	Susut nilai terkumpul	Nilai Buku
Aset Bukan Semasa			
Kenderaan	80 000	39 040	40 960
 Aset Semasa			
Akaun Belum Terima	48 000		
Tolak : Peruntukan hutang ragu	810		
		47 190	
Insurans prabayar		300	
		47 490	
 Liabiliti Semasa			
Kadar bayaran belum bayar	500		
Sewa belum terperoleh	4 000		
		4 500	

Maklumat tambahan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023:

- (i) Sewa tahunan adalah RM18 000
- (ii) Sewa yang telah diterima RM12 000

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun sewa diterima

## **Belanja**

Belanja berikut dibayar oleh Abu Samah Enterprise bagi tahun berakhir 30 September 2022

	RM
Insurans	3 840
Sewa	4 000

Maklumat tambahan:

- (i) Premium insurans adalah untuk setahun bermula 1 Januari 2022
- (ii) Sewa tahunan RM5 200

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Insurans
- (b) Akaun Sewa

## **Peruntukan Hutang Ragu**

Tempoh perakaunan Ganda Dua Enterprise berakhir pada 30 Jun setiap tahun.

Baki Akaun Belum Terima pada 30 Jun bagi tahun 2021 dan 2022 adalah seperti berikut:

Tahun	RM
2021	25 000
2022	23 000

Ganda Dua Enterprise memperuntukkan 2% peruntukan hutang ragu daripada jumlah Akaun Belum Terima setiap tahun.

Sediakan Akaun Peruntukan Hutang Ragu bagi tahun berakhir 30 Jun 2021 dan 30 Jun 2022

## **Pelupusan**

Maklumat berikut adalah berkaitan dengan dua buah kenderaan yang dimiliki oleh Nas Jamal Agency

Jenis kenderaan	No. Pendaftaran	Tarikh belian	Kos (RM)
Lori	BJE 6548	30 Jun 2022	76 400
Kereta	KCF 4554	1 Januari 2021	32 600

Maklumat tambahan :

- (i) Polisi perniagaan menetapkan kesemua kenderaan hendaklah disusutnilaikan pada kadar 20% setahun atas kos. Pengiraan susutnilai berasaskan bulanan bermula daripada tarikh belian
- (ii) Kereta KCF 4554 telah dijual dengan harga RM20 800 pada 31 Mac 2022
- (iii) Lori BJE 6548 telah dibeli daripada Auto Fleet & Co dengan membayar 40% wang pendahuluan dengan cek
- (iv) Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember setiap tahun

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun kenderaan pada tahun 2022
- (b) Akaun susutnilai terkumpul kenderaan bagi tahun 2021 dan 2022
- (c) Akaun Pelupusan kenderaan

**PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL DENGAN PELARASAN**

Imbangan Duga yang berikut diperoleh daripada Perniagaan Ashraf.

**Perniagaan Ashraf**  
**Imbangan Duga pada 31 Disember 2023**

	<b>Dt (RM)</b>	<b>Kt (RM)</b>
Belian dan Jualan	52 000	246 000
Kenderaan (kos)	60 000	
Bangunan (kos)	180 000	
Inventori 1 Jan 2023	4 600	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	40 600	14 300
Peralatan (kos)	26 000	
Susut nilai terkumpul peralatan		12 400
Bank	17 600	
Tunai	250	
Peruntukan hutang ragu		240
Faedah pinjaman	1 200	
Pinjaman (matang pada Disember 2027)		20 000
Modal		198 340
Ambilan	2 780	
Insurans	2 400	
Komisen		9 000
Diskaun	300	400
Belanja penyelenggaraan bangunan	63 120	
Gaji	49 800	
Pulangan	270	240
	<b>500 920</b>	<b>500 920</b>

**Maklumat tambahan:**

- i. Inventori dinilai RM12 500 pada harga kos dan RM12 050 pada harga pasaran.
- ii. Insurans tahunan dibayar mulai 1 Mei 2023.
- iii. Perkara-perkara yang belum diambil kira:
  - Ambilan barang niaga untuk tujuan promosi dan derma masing-masing bernilai RM200 dan RM300.
  - Sekeping nota kredit yang diterima daripada pembekal RM600.
  - Pembatalan diskau diberi RM100 atas cek tak laku.
  - Pemilik telah membeli peralatan bernilai RM2 400 pada 1 Jun 2023 dengan menggunakan wang peribadi
  - Menerima tunai sebanyak RM800 daripada seorang pelanggan yang hutangnya telah menjadi lapuk.
- iv. Peruntukan hurang ragu diselaraskan kepada 5% dari akaun belum terima.
- v. Kenderaan yang dibeli dijangka mempunyai usia guna 10 tahun dan nilai skrapnya dianggarkan bernilai RM20 000.
- vi. Semua peralatan disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- vii. Pinjaman RM20 000 dibuat pada 1 Julai 2023. Faedah atas pinjaman adalah 8% setahun.
- viii. Belanja penyelenggaraan bangunan RM63 120 termasuk mengubah suai premis perniagaan RM50 000 dan mengubah suai premis peribadi RM8 500. Bangunan disusutnilaikan 2% setahun mengikut kaedah garis lurus.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- a. Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.
- b. Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023.

## PEMBETULAN KESILAPAN

Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Perniagaan Airel.

Perniagaan Airel

Imbangan Duga pada 31 Ogos 2024

	<b>Dt (RM)</b>	<b>Kt (RM)</b>
Belian dan Jualan	43 000	132 000
Pulangan	780	1 280
Gaji	28 400	
Komisen		3 500
Insurans	1 550	
Sewa	8 800	
Utiliti	2 400	
Promosi	2 790	
Hutang lapuk	440	
Diskaun	320	560
Ambilan	6 200	
Tunai	800	
Bank	25 000	
Akaun Belum Terima	26 600	
Akaun Belum Bayar		26 960
Modal		51 640
Inventori 1 September 2023	21 040	
Perabot	13 520	
Kenderaan (kos)	37 400	
Susut nilai terkumpul kenderaan		1 980
Peruntukan hutang ragu		1 120
	<b>221 640</b>	<b>221 640</b>

**Maklumat tambahan :**

- i. Inventori pada 31 Ogos 2024 dinilai RM7 900 pada harga kos dan RM9 700 pada harga pasaran.
- ii. Utiliti termasuk deposit utiliti sebanyak RM400.
- iii. Bayaran gaji dengan cek RM2 000 telah didebitkan dalam Akaun Bank dan dikreditkan dalam Akaun Gaji.
- iv. Peruntukan hutang rugu diselaraskan pada kadar 5% ke atas akaun belum terima.
- v. Barang niaga telah diambil untuk kegunaan peribadi sebanyak RM80 sebulan mulai 1 Januari 2024. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- vi. Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- vii. Sewa terlebih catat RM200 manakala promosi terkurang catat dengan nilai yang sama.
- viii. Jualan barang niaga RM6 000 kepada Encik Lee tersilap rekod dalam Akaun Encik Tee.

**Anda dikehendaki menyediakan**

- a) Catatan jurnal untuk membetulkan kesilapan tersebut. (keterangan tidak diperlukan)
- b) Imbangan Duga Terselaras pada 31 Ogos 2024.

## ANALISIS DAN TAFSIRAN KEWANGAN

Sahak Berhad dan Razak Berhad menjalankan perniagaan menjual peralatan elektrik di Alor Gajah, Melaka. Penyata kewangan bagi kedua-dua firma adalah seperti berikut :

### Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2024

	<u>Sahak Berhad</u>	<u>Razak Berhad</u>
	RM	RM
Jualan	185 000	210 000
Tolak : Kos jualan		
Inventori awal	21 670	18 587
Tambah : Belian	<u>66 805</u>	95 310
	88 475	<u>113 897</u>
Tolak : Inventori akhir	<u>19 100</u>	24 380
	<u>69 375</u>	<u>89 517</u>
Untung kasar	115 625	120 483
Tolak :		
Belanja operasi	60 125	61 683
Untung bersih	<u>55 500</u>	<u>58 800</u>

### Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2024

	<u>Sahak Berhad</u>	<u>Razak Berhad</u>
<u>Aset Bukan Semasa</u>		
Kenderaan	155 000	200 000
Lengkapan	<u>25 978</u>	<u>30 702</u>
	<u>180 978</u>	<u>230 702</u>
<u>Aset Semasa</u>		
Inventori	19 100	24 380
Akaun Belum Terima	18 411	16 627
Bank	<u>11 692</u> 49 203	4 536      45 543
Tolak : <u>Liabiliti semasa</u>		
Akaun Belum Bayar	16 701	13 695
Belanja belum bayar	<u>2 980</u> <u>19 681</u>	- <u>13 695</u>
Modal kerja	29 522	31 848
	<u>210 500</u>	<u>262 550</u>
<u>Ekuiti Pemilik</u>		
Modal awal	155 000	202 500
Tambah : Untung bersih	<u>55 500</u>	<u>60 050</u>
Modal akhir	<u>210 500</u>	<u>262 550</u>

### **Maklumat tambahan :**

- Jualan adalah secara kredit
- Belian kredit adalah 40 %

**Anda dikehendaki :**

- (a) Mengira untuk kedua-dua buah firma dan membuat perbandingan
- (i) Nisbah Keberuntungan
  - (ii) Nisbah Kecekapan
  - (iii) Nisbah Kecairan

**REKOD TAK LENGKAP (KAEDAH PERBANDINGAN)**

Encik Sarves memulakan perniagaan Sarves Enterprise pada 1 Januari 2022 di Ayer Molek, Melaka. Rekod perniagaannya disimpan tanpa mengikut sistem catatan bergu. Baki di bawah ini diperoleh daripada buku catatannya.

	<b>1 Januari 2023</b>	<b>31 Disember 2023</b>
	RM	RM
Kenderaan (kos)	40 000	?
Perabot (kos)	16 400	?
Akaun Belum Terima	12 600	14 580
Bank	9 900	(900)
Inventori	33 450	31 250
Komisen belum diterima	230	-
Akaun Belum Bayar	12 960	15 060
Kadar bayaran belum bayar	420	-
Insurans prabayar	-	300
Susut nilai terkumpul perabot	1 640	?

**Maklumat tambahan:**

- (i) Pada 1 April 2023, perabot yang bernilai RM2 200 dibawa masuk dari rumah pemilik untuk kegunaan perniagaan. Perkara ini belum direkodkan. Kadar susut nilai perabot setahun adalah 10% atas kos.
- (ii) Pemilik perniagaan membuat ambilan tunai RM100 dan barang niaga RM 200 setiap bulan dalam tahun kewangan itu.
- (iii) Seorang pelanggan diisyiharkan muflis dan hutangnya bernilai RM600 dihapus kira sebagai hutang lapuk.
- (iv) Peruntukan hutang rugu dianggarkan 5% daripada Akaun Belum Terima bersih
- (v) Invois yang diterima RM530 belum diambil kira.
- (vi) Kenderaan dibeli pada 1 Januari 2023, dijangka diguna pakai selama 10 tahun. Pada akhir tempoh usia guna, kenderaan tersebut dijual semula pada harga RM10 000.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata mengira modal pada 1 Januari 2023
- (b) Penyata mengira modal pada 31 Disember 2023
- (c) Penyata untung rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

## **REKOD TAK LENGKAP (KAEDAH ANALISIS)**

Pn Kamariah pemilik Kedai Kain Kay tidak mengamalkan sistem catatan bergu dalam penyediaan rekod perniagaannya. Baki-baki aset dan liabiliti perniagaannya adalah seperti berikut.

	1 Januari 2023 RM	31 Disember 2023 RM
Inventori	3 500	4 900
Tunai	4 600	2 370
Bank	8 900	27400
Pinjaman	11 200	8 400
Modal	26 350	
Gaji belum bayar	4 250	-
Insurans prabayar	-	1 990
Inventori Alat tulis	100	40
Akaun Belum Terima	10 300	13 850
Akaun Belum Bayar	6 500	?
Kenderaan (kos)	22 000	22 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	1 500	?
Komisen belum terima	400	
Komisen belum terperoleh		900

Ringkasan Buku Tunai perniagaannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

	Bank RM	Tunai RM
<b>Penerimaan</b>		
Jualan		9 200
Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	71 000	
Tunai di bank	5 000	
Komisen	3 200	
<b>Pembayaran</b>		
Belian		4 900
Gaji	6 180	1 500
Pembayaran kepada Akaun Belum Bayar	42 500	
Ambilan	2 500	
Tunai di bank		5 000
Alat tulis	80	30
Pinjaman		?
Insurans	6 640	

#### Maklumat tambahan:

- Kenderaan mempunyai tempoh usia guna 5 tahun dan nilai skrap RM500.
- Peruntukan hutang rugu ialah pada kadar 2% atas baki Akaun Belum Terima bersih.
- Faedah atas pinjaman dikenakan 8% atas baki pinjaman.
- Urusniaga berikut belum direkodkan dalam mana-mana buku:
  - Pemilik mengambil blaus 2 helai untuk dihadiahkan kepada anaknya bernilai RM100.
  - Pelanggan memulangkan seluar yang salah saiz bernilai RM250.

v. Berikut adalah senarai belian kredit Kedai Kain Kay.

TARIKH	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
2023		
09 Feb	ZK Cloth Supplier	15 300
30 Apr	Ariliani & Co.	8 690
16 Julai	Perniagaan Warna Warni	23 200
25 Nov	Selesa Sdn Bhd	10 550

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- a. Akaun Kawalan Belum Terima
- b. Akaun Kawalan Belum Bayar
- c. Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.
- d. Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023.

## PENYEDIAAN PENYATA PENYESUAIAN BANK

Farisah menggunakan Buku Tunai tiga ruangan untuk merekod urus niaga tunai dan baki bagi perniagaannya.

Baki pada 30 September 2023 adalah seperti berikut:

Bank RM529 (kt)

Tunai RM1 650

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Oktober 2023

Buku Tunai (Ruangan bank sahaja)

TARIKH	BUTIR	NO CEK	RM
2023 Okt 2	Belian	6120	326
3	Jualan tunai (dibankkan)		423
5	Yatie	6121	211
6	Bengkel Hariz	6122	548
	Tunai dibankkan		1 320
13	Azwa – cek diterima untuk menjelaskan baki hutang RM3 500		3 200
20	Anjali – cek diterima		2 111
25	Qistina (diskaun RM138)	6123	1 592
29	Wanie	6124	1 398
31	Damia (diskaun RM233)		3 267
	Gaji	6125	1 732

- a) Pada 3 November 2023, Farisah menerima penyata bank bagi bulan Oktober 2023

BANK WANGI PENYATA BANK					
Kepada :			No Akaun : 952441087893 Tarikh : 31 Okt 2023		
Tarikh	Butir	Debit	Kredit	Baki	
Okt 1	Baki b/b			409	Dt
3	Deposit		423	14	Kt
4	Cek No 6120	326		312	Dt
5	Perintah sedia ada- sewa	750		1 062	Dt
6	Deposit		1 320	258	Kt
7	Cek No 6122	548		290	Dt
	Cek No 6114	120		410	Dt
9	Cek No 6123	1 529		1 939	Dt
13	Deposit		3 200	1 261	Kt
22	Caj bank	65		1 196	Kt
26	Debit terus – Insurans	135		1 061	Kt
31	Dividen – Haraz		378	1 439	Kt

Maklumat tambahan:

1. Cek bernombor 6123 telah tersilap catat di dalam Buku Tunai
2. Cek dibankkan pada 20 Oktober 2023 telah dipulangkan oleh bank pada 31 Oktober 2023 dengan ditanda “Rujuk Penyuruh Bayar”

**Anda dikehendaki**

1. Menyediakan Buku tunai tiga ruangan untuk merekod urus niaga bagi bulan berkenaan.
2. Mengemas kini Buku Tunai (ruangan bank sahaja)
3. Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Oktober 2023.

### **PENYEDIAAN BELANJAWAN TUNAI**

Pada 1 Mac 2024, buku perniagaan Emma Trading menunjukkan baki-baki seperti berikut:

	RM
Tunai runcit	150
Tunai	3 120
Bank	27 000
Akaun belum terima	4 350
Lengkapan	15 000
Premis	110 000

Maklumat yang berikut adalah anggaran penerimaan dan pembayaran bagi tiga bulan berakhir 31 Mei 2024.

- (i) Jualan bulan Mac ialah RM75 000. Jualan setiap bulan dijangka meningkat sebanyak 10% dari bulan sebelumnya.
- (ii) Belian bulan Februari ialah RM40 000. Belian dijangka meningkat sebanyak 5% pada bulan sebelumnya. 30% daripada belian adalah belian kredit dengan tempoh kredit selama satu bulan.

(iii) Pinjaman RM50 000 dijangka diterima pada 1 April 2024 berkadar faedah 4% setahun dengan tempoh bayaran balik selama 5 tahun. Bayaran balik pinjaman akan dibuat mulai bulan Mei .

(iv) Kadar bayaran pada bulan Mac dan April ialah RM250 setiap bulan dan dijangka meningkat 10% bagi bulan Mei dari bulan sebelumnya.

(v) Emma Trading menggajikan 3 orang pekerja. Gaji bulanan untuk setiap pekerja ialah RM1000. Pada bulan Mei seorang pekerjanya diberi kenaikan gaji sebanyak 25%.

(vi) Pada bulan Mac, perniagaan membeli sebuah komputer dengan harga RM4 000. Pendahuluan sebanyak 15% dibayar pada bulan tersebut manakala bakinya dibayar secara ansuran sebanyak 4 kali mulai bulan Mei.

(vii) Lengkapan disusutnilakan pada kadar 10% mengikut kaedah garis lurus.

**Maklumat tambahan:**

Penerimaan dan pembayaran sebenar bagi bulan Mei 2024 adalah seperti berikut :

	RM
<b>Penerimaan</b>	
Jualan	90 000
<b>Pembayaran</b>	
Gaji	3 000
Kadar bayaran	200

**Anda dikehendaki**

(a) Menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mei 2024.

(b) Membuat perbandingan dan menentukan prestasi perniagaan bagi bulan Mei 2024.

## PERAKAUNAN PERKONGSIAN

Imbangan Duga yang berikut diperoleh daripada Perkongsian MELLIYA pada 30 Jun 2023.

	<b>Debit</b> <b>RM</b>	<b>Kredit</b> <b>RM</b>
Modal (1 Julai 2023)		
Melly		30 000
Liya		20 000
Akaun Semasa		
Melly		2 800
Liya	2 200	
Ambilan		
Melly	5 000	
Liya	4 000	
Alatan pejabat (kos)	20 000	
Kenderaan (kos)	25 000	
Susut nilai terkumpul		
Alatan pejabat		4 000
Kenderaan		5 000
Inventori (30 Jun 2024)	55 000	
Akaun Belum Terima	7 500	
Akaun Belum Bayar		6 900
Bank		3 420
Pinjaman Melly (Bayar balik 30 September 2024)		15 000
Peruntukan Hutang Ragu		200
Gaji pekongsi	4 000	
Untung Kasar		68 200
Sewa	6 000	
Insurans	2 000	
Faedah atas pinjaman	400	
Gaji	18 000	
Belanja kenderaan	2 860	
Utiliti	<u>3 560</u>	
	<u>155 520</u>	<u>155 520</u>

Perjanjian Perkongsian menggariskan perkara yang berikut:

- (i) Modal dibenarkan faedah 5% setahun.
- (ii) Faedah 10% setahun dikenakan ke atas ambilan.
- (iii) Melly diberikan gaji bulanan RM500.
- (iv) Faedah atas pinjaman pekongsi ialah 8% setahun.
- (v) Nisbah pembahagian untung rugi antara Melly dan Liya ialah 3:1.

**Maklumat tambahan:**

- (i) Sewa belum bayar ialah RM2 000.
- (ii) Insurans prabayar berjumlah RM500.
- (iii) Salah satu Akaun Belum Terima berjumlah RM500 dihapus kira sebagai hutang lapuk.
- (iv) Peruntukan hutang rugi diselaraskan kepada 4% atas Akaun Belum Terima.
- (v) Pinjaman Melly diperoleh pada 1 Oktober 2023.
- (vi) Susut nilai dikenakan ke atas aset bukan semasa pada akhir tahun kewangan.  
Kenderaan: 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.  
Alatan pejabat: 10% setahun pada kos.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- c) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024.
- d) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024.
- e) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2024.

## PERAKAUNAN PERKONGSIAN (PEMBUBARAN PERKONGSIAN)

Berikut adalah kedudukan kewangan Lisahila Café pada 30 Jun 2024.

Lisahila Café			
Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2024			
	RM	RM	RM
<b>Aset Bukan Semasa</b>			<b>Ekuiti Pemilik</b>
Premis	125 000		Akaun Modal Lisa
Kenderaan	97 000		Akaun Modal Shila
Lengkapan	36 220		
		258 220	
			<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>
<b>Aset Semasa</b>			
Inventori	5 600		Akaun Semasa Lisa
Tunai	330		Akaun Semasa Shila(Dt)
Akaun Belum Terima	15 800		
		21 730	
			<b>Liabiliti Semasa</b>
			Pinjaman
			50 000
			<b>Akaun Belum Bayar</b>
			10 600
			Overdraf
			1 200
			Promosi belum bayar
			650
			Pinjaman Shila
			8 000
			20 450
		279 950	279 950

Lisa dan Shila ialah pekongsi dalam perkongsian Lisahila Café. Mereka berkongsi keuntungan dengan nisbah modal. Shila memutuskan untuk bekerja di luar negara dan mereka bersetuju membubarkan perniagaan pada 30 Jun 2024. Berikut antara maklumat berkaitan pembubaran tersebut :

- (i) Premis telah diambil alih oleh Lisa dengan nilai RM90 000
- (ii) Kenderaan, lengkapan dan inventori telah berjaya dijual secara lelong dan masing-masing dengan harga RM50 000, RM31 200 dan RM 5 000.
- (iii) Akaun Belum Terima telah berjaya dikutip berjumlah RM14 700 setelah memberi diskaun RM340, manakala bakinya dianggap sebagai hutang lapuk.
- (iv) Akaun Belum Bayar dijelaskan sepenuhnya oleh Shila dan menerima diskaun 10%.
- (v) Pinjaman Shila dan promosi belum bayar telah dijelaskan sepenuhnya setelah aset direalis dengan sempurna.
- (vi) Bil elektrik berjumlah RM570 telah dijumpai. Urus niaga ini belum dicatat dalam mana-mana buku perniagaan.
- (vii) Kos pembubaran RM1 750 dibayar dengan cek.

- (viii) Lisa bersetuju menjelaskan 30% baki pinjaman bank.
- (ix) Pekongsi perlu membawa masuk tunai tambahan untuk menampung kekurangan dalam Akaun modal.
- (x) Semua penerimaan dan pembayaran dibuat melalui bank.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Realisasi
- (b) Akaun Modal
- (c) Akaun Bank

**PERAKAUNAN UNTUK SYARIKAT BERHAD MENURUT SYER**

Pada 1 Januari 2023, Syarikat Gema Mentari Sdn. Bhd. telah bersetuju untuk menerbitkan 500 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 650 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Semua syer yang diterbitkan telah dipohon beli dan dibayar penuh semasa permohonan.

Pada 31 Julai 2023, Syarikat telah memutuskan untuk membayar dividen interim kepada pemegang Syer Biasa pada kadar 3 sen sesyer.

Pada 1 Ogos 2023, Syarikat memerlukan modal tambahan dan telah menerbitkan 200 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 400 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Pada 31 Ogos 2023, semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh.

Pada 1 November 2023, Syarikat telah menerbitkan lagi 200 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan semua syer itu telah dilanggan dan dibayar penuh pada 30 November 2023.

Pada tahun berakhir 31 Disember 2023, Lembaga pengarah telah mengisyiharkan pembayaran dividen akhir bagi Syer Keutamaan dan Syer Biasa pada kadar 5%.

**Anda dikehendaki:**

- i. Merekod terbitan Syer Keutamaan dan Syer Biasa ke dalam Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan).
- ii. Merekod terbitan Syer Keutamaan dan Syer Biasa ke dalam lejar.
- iii. Menghitung dividen interim syer biasa
- iv. Menghitung dividen akhir syer biasa
- v. Menunjukkan bahagian ekuiti pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023.
- vi. Berikan dua perbezaan antara Syer Keutamaan dan Syer Biasa.

## **PERAKAUNAN UNTUK KELAB DAN PERSATUAN**

Kelab Inovasi dan Robotik Familia telah ditubuhkan sejak tahun 2014. Berikut ialah maklumat kewangan kelab pada 31 Disember 2023.

<b>Aset dan liabiliti pada 1 Januari 2023</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Kelengkapan	8 750	
- Susut nilai terkumpul	250	8 500
Peralatan Robotik		10 000
Simpanan tetap		8 000
Deposit Kadar Bayaran		300
Akaun Belum Bayar Kafetaria		1 350
Yuran Belum Terima		450
Upah belum bayar pekerja Kafetaria		250
Bank		12 550
Inventori Kafetaria		525

Ringkasan Akaun Penerimaan dan Pembayaran kelab bagi tahun berakhir 31 Disember 2023:

### **Penerimaan:**

Yuran masuk	2 800
Yuran ahli:	
2022	230
2023	7 450
2024	320
Derma	760
Kutipan Pertandingan Sumo Robot	5 630
Jualan Kafetaria	5 690

### **Pembayaran:**

Akaun Belum Bayar	3 463
Belian Kafetaria	980
Peralatan robotik baru	1 600
Upah pekerja kafetaria	670
Sewa bangunan	3 000
Kadar bayaran	1 600
Perbelanjaan Pertandingan Sumo robot	3 580
Honorarium	5 000
Lesen kafetaria	200

Maklumat Tambahan:

- Yuran tahun 2022 yang tidak dapat dikutip dianggap sebagai yuran lapuk.
- Yuran masuk dianggap sebagai pendapatan modal.
- Kadar bayaran belum dijelaskan RM700
- Upah pekerja belum bayar RM300
- Derma diterima adalah untuk menaiktaraf bilik robotik.

- f) Faedah atas simpanan tetap sebanyak 5% setahun.
- g) Semua kelengkapan disusutnilaikan 10% mengikut nilai buku.

Baki-baki pada 31 Disember 2023:

Peralatan robotik	8 400
Akaun Belum Bayar Kafetaria	2 200
Inventori Kafetaria	1 800
Yuran belum terima	300

Anda dikehendaki menyediakan:

- i. Akaun Yuran
- ii. Akaun perdagangan Kafetaria bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.
- iii. Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.
- iv. Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 dengan menunjukkan bahagian Dana Terkumpul sahaja.

## PERAKAUNAN KOS – PENYEDIAAN AKAUN PENGELOUARAN

Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Kasut Mike pada 30 Jun 2024.

Inventori pada 1 Julai 2023:

Bahan langsung		5 200
Kerja dalam proses:		
Bahan langsung	2 100	
Buruh langsung	1 700	
Overhead	<u>1 500</u>	5 300
Barang siap		17 320
Inventori pada 30 Jun 2024:		
Bahan langsung		7 250
Kerja dalam proses:		
Bahan langsung	3 560	
Buruh langsung	2 480	
Overhead	<u>2 370</u>	8 410
Barang siap		19 510
Belian bahan langsung		24 200
Gaji operator kilang		15 400
Angkutan masuk		2 400
Gaji pengurus kilang		7 200
Gaji pengurus pejabat		6 300
Mesin (kos)		28 000
Alatan kilang (kos)		12 000
Susut nilai terkumpul pada 1 Julai 2023:		
Mesin	2 800	
Alatan kilang	<u>1 200</u>	4 000
Duti import bahan langsung		500
Insurans		750
Sewa		10 800
Kadar bayaran		2 880
Pulangan belian bahan langsung		710
Jualan		124 500
Angkutan keluar		1 300

Maklumat tambahan :

(i) Belian barang siap RM35 500.

(ii) Susut nilai diperuntukkan seperti berikut:

- Mesin 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
- Alatan kilang 15% atas kos

(iii) Agihan perbelanjaan kilang dan pejabat adalah seperti berikut :

	<b>Kilang (%)</b>	<b>Pejabat (%)</b>
Kadar bayaran	70	30
Sewa	60	40
Insurans	50	50

- (iv) Agihan angkutan masuk antara kilang dan pejabat ialah 2:1.
- (v) Insurans prabayar RM100.
- (vi) Gaji operator kilang belum bayar RM350.
- (vii) Royalti RM 2 000 belum direkod.

**Anda dikendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2024
- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024

**PERAKAUNAN KOS – TITIK PULANG MODAL**

Jadual menunjukkan jumlah kos dan jumlah hasil Kilang Kasut Popular pada pelbagai tingkat keluaran.

<b>Tahun</b>	<b>Unit</b>	<b>Jumlah Hasil RM</b>	<b>Jumlah Kos RM</b>
2021	2 000	200 000	220 000
2022	2 500	250 000	250 000
2023	3 000	300 000	280 000

**Anda dikehendaki menghitung:**

- a. Kos berubah seunit.
- b. Harga jualan seunit.
- c. Kos tetap.
- d. Titik pulang modal dalam RM dan Unit.
- e. Lakarkan graf titik pulang modal dengan menunjukkan garisan kos tetap, garisan jumlah kos, garisan jumlah hasil dan titik pulang modal.
- f. Untung atau rugi jika Kilang Kasut Popular mengeluarkan 5 000 pasang kasut.

3756/2  
Prinsip  
Perakaunan  
Kertas 2  
Oktober  
2½ jam

**SOALAN MASYHUR 2024**

---

---

**PRINSIP PERAKAUNAN**  
**Kertas 2**  
**Dua jam tiga puluh minit**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan dua soalan dalam **Bahagian B**.*
3. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
5. **Tunjukkan kerja mengira.** Ini membantu anda mendapatkan markah.
6. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baru.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Anda diingatkan untuk menulis Nombor Kad Pengenalan pada setiap helaian jawapan yang digunakan untuk menulis jawapan.*
9. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak

### Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan.

1. (a) Berikut adalah satu pernyataan dalam perekodan perakaunan yang diperoleh daripada Perniagaan Amin.

Susut nilai kenderaan dihitung menggunakan kaedah baki berkurangan dari tahun pembelian sehingga kini dan direkod dalam Akaun Untung Rugi, manakala kenderaan direkod dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada harga kos.

Nyatakan **dua** prinsip perakaunan yang diamalkan oleh Perniagaan Amin.

[2 markah]

- (b) Maklumat berikut diperoleh daripada Balqis Rosli Enterprise.

	RM
Jumlah tunai runcit yang diperuntukkan pada awal bulan	200
Jumlah tunai runcit yang telah dibelanjakan	118
Baki tunai runcit	82

Hitung jumlah pembayaran balik berdasarkan Sistem Panjar Runcit. [2 markah]

- (c) Berikut ialah maklumat kewangan Syarikat ABC Bhd. dan Syarikat XYZ Bhd.

Analisis nisbah	Syarikat ABC Bhd.	Syarikat XYZ Bhd.
Pulangan atas modal	20%	25%

- (i) Perniagaan manakah yang dipilih untuk membuat pelaburan?  
(ii) Beri alasan anda. [2 markah]

- (d) Maklumat berikut menunjukkan baki aset dan liabiliti Kedai Runcit Jannah pada 1 Julai 2023.

	<b>RM</b>
Tunai di bank	24 500
Lengkapan	8 000
Akaun Belum Terima	2 700
Akaun Belum Bayar	6 750

Hitung modal pada 1 Julai 2023.

[2 markah]

- (e) Nyatakan **dua** sebab pembubaran perkongsian.

[2 markah]

2. Imbangan Duga berikut diambil daripada Pelangi Simen Enterprise yang telah menjalankan perniagaan menjual simen di Merlimau, Melaka.

**Pelangi Simen Enterprise**  
**Imbangan Duga pada 30 September 2023**

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Premis	124 000	
Kenderaan	50 000	
Perabot	12 600	
Belian dan Jualan	73 969	155 684
Pulangan masuk	1 880	
Gaji	21 500	
Inventori pada 1 Oktober 2022	35 110	
Insurans	5 200	
Kadar bayaran	4 430	
Hutang lapuk	2 920	
Susut nilai terkumpul perabot		3 000
Akaun Belum Bayar		13 200
Akaun Belum Terima	25 600	
Ambilan	6 500	
Modal		159 145
Belanja penyelenggaraan premis	17 565	
Peruntukan hutang ragu		425
Pinjaman 5%		78 000
Angkutan masuk	1 400	
Tunai	800	
Bank	25 980	
	<hr/> 409 454	<hr/> 409 454

**Maklumat tambahan:**

- (i) Inventori pada 30 September 2023 dinilaikan seperti berikut:

	Simen A	Simen B	Simen C
Harga kos (RM)	6 580	5 900	10 400
Harga pasaran (RM)	9 880	7 320	8 210

- (ii) Kenderaan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus. Kenderaan bernilai RM50 000 telah dibawa masuk oleh pemilik pada 1 Julai 2023 dan akan digunakan untuk tempoh 10 tahun. Nilai skrap kenderaan dijangka RM4 000.
- (iii) Perabot disusutnilaikan 15% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (iv) Urus niaga dan dokumen berikut masih belum direkod:
  - (a) Nota kredit yang diterima daripada seorang pembekal bernilai RM800.

(b)	<b>ASAL</b> RESIT RASMI Cepat Services Lot 10 Jalan Sungai Tua 68 100 Batu Caves Selangor Tel: 0327272727	<b>RR168</b>  Tarikh: 30 Jun 2023
	Diterima daripada: <u>Pelangi Simen Enterprise</u> Ringgit Malaysia: <u>Lima ratus lima puluh sahaja</u> Tujuan: <u>Menjelaskan upah mengangkat simen</u>	
	RM550 Tunai/Cek: MBB 123456	
		Kamil Pengurus

- (v) Menerima tunai berjumlah RM400 atas hutang lapuk yang telah dihapuskan.
- (vi) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 4% atas baki Akaun Belum Terima.
- (vii) Insurans yang dibayar adalah untuk tempoh setahun mulai 1 Januari 2023.
- (viii) Pinjaman 5% telah dibuat pada 1 April 2023. Nilai asal pinjaman ialah RM84 000 dengan tempoh matang 7 tahun.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 September 2023. [13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2023. [12 markah]

3. Pengilang Maliki mengeluarkan jus buah-buahan dalam tin. Maklumat berikut diperoleh daripada buku-buku perakaunannya bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2023.

	<b>1 Julai 2022</b> <b>RM</b>	<b>30 Jun 2023</b> <b>RM</b>
Inventori:		
Barang siap	21 800	24 300
Bahan langsung	17 240	22 530
Kerja dalam proses:		
Bahan langsung	15 660	13 240
Buruh langsung	6 940	6 390
Overhead	7 750	4 870
Alat-alat kecil	13 070	12 950
Royalti belum bayar	2 550	2 240
Mesin kilang:		
Harga kos	91 200	Perlu dikira
Susut nilai terkumpul	37 200	Perlu dikira
		<b>RM</b>
Jualan		526 000
Belian:		
Barang siap	26 000	
Bahan langsung	148 570	
Mesin kilang	17 900	
Alat-alat kecil	2 840	
Belanja pentadbiran	19 300	
Angkutan masuk bahan langsung	1 640	
Pulangan belian bahan langsung	1 030	
Insurans	9 300	
Upah operator pengeluaran	63 200	
Sewa	26 700	
Belanja membaiki mesin	3 650	
Royalti	8 500	
Gaji	49 100	
Gaji jurujual	12 000	
Utiliti	22 000	

**Maklumat tambahan:**

- (i) Pada 1 Jun 2023, lima orang operator pengeluaran telah diambil bekerja dengan upah bulanan RM1 500 seorang. Perkara ini belum dicatat dalam mana-mana buku.
- (ii) Angkutan masuk belum direkod:
- |                |         |
|----------------|---------|
| Bahan langsung | RM800   |
| Barang siap    | RM1 200 |
- (iii) Gaji RM49 100 hendaklah dibahagikan antara overhed kilang dan pejabat dengan nisbah 2:3.
- (iv) Insurans dibahagikan mengikut kadar 75% kilang dan 25% pejabat.
- (v) Utiliti hendaklah dibahagikan antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 3:1.
- (vi) Mesin kilang disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah garis lurus. Semua nilai mesin kilang dikira sepenuhnya pada tahun pembelian dibuat.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2023 [18 markah]
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2023 [5 markah]
- (c) Akaun Royalti [2 markah]

**Bahagian B**

[40 markah]

Jawab DUA soalan sahaja.

4. Baki-baki berikut diambil daripada Kelab Remaja KGM di Bukit Katil Damai. Kelab ini aktif menjalankan aktiviti sepanjang penubuhannya.

Maklumat berikut diperoleh daripada buku kelab pada 31 Disember 2022.

	<b>1 Januari 2022</b>	<b>31 Disember 2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Yuran belum terima	600	350
Yuran belum terperoleh	800	?
Premis kelab	50 000	50 000
Majalah belum bayar	50	140
Inventori alat tulis	-	50
Lengkapan	9 050	10 050
Bank	45 800	73 168
Akaun Belum Terima	3 497	5 113
Inventori bakeri	2 480	1 700

Ringkasan Penerimaan dan Pembayaran kelab bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

<b>Penerimaan</b>	<b>RM</b>	<b>Pembayaran</b>	<b>RM</b>
Yuran tahun 2021	400	Honorarium	3 600
Yuran tahun 2022	7 600	Derma	2 450
Yuran tahun 2023	150	Belian bakeri	6 500
Yuran masuk	9 000	Majalah	240
Yuran pertandingan E-sukan	4 680	Lengkapan	2 100
Derma membina dewan kecil	30 700	Belanja pertandingan E-sukan	1 800
Jualan bakeri	9 100	Bayaran kru pertandingan E-sukan	1 200
Akaun Belum Terima	7 512	Alat tulis	210
		Utiliti	2 400
		Upah pekerja bakeri	6 250

**Maklumat Tambahan:**

- (i) Yuran yang tidak dapat dikutip bagi tahun 2021 dianggap sebagai yuran lapuk.
- (ii) Yuran masuk dianggap pendapatan modal.
- (iii) Upah pekerja bakeri prabayar RM250.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Yuran [4 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Terima [2 markah]
- (c) Akaun Perdagangan Kedai bakeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 [4 markah]
- (d) Penyata mengira keuntungan dan kerugian pertandingan E-sukan [2 markah]
- (e) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 [8 markah]

- 5 (a) Najla ialah pemilik Kedai Buku Comel di Bandaraya Melaka. Berikut merupakan baki-baki perniagaannya pada 1 Januari 2023.

	RM
Tunai di bank	4 000
Tunai di tangan	600
Perabot (kos)	5 000

Anggaran perbelanjaan bagi tiga bulan pertama tahun 2023 adalah seperti berikut:

	<b>Januari RM</b>	<b>Februari RM</b>	<b>Mac RM</b>
Jualan	13 600	17 300	18 200
Susut nilai perabot	220	220	220
Utiliti	600	500	550

**Maklumat tambahan:**

- (i) Pada bulan Disember 2022, jumlah jualan RM15 300. 70% daripada jumlah jualan adalah secara kredit dengan tempoh kredit selama satu bulan.
- (ii) Anggaran belian tunai:
  - Januari : RM14 000
  - Februari dan Mac: Berkurang 5% daripada bulan sebelumnya.
- (iii) Pada bulan Februari, Najla membuat pinjaman bank RM12 000 dengan kadar faedah 3% setahun selama 2 tahun. Ansuran pinjaman bermula pada bulan Mac.
- (iv) Pada bulan Januari Kedai Buku Comel mempunyai dua orang pekerja dengan gaji bulanan RM900 seorang. Pada bulan Februari seorang pekerja menerima kenaikan gaji sebanyak 25%.
- (v) Dua buah almari pejabat baru dibeli pada bulan Februari dengan harga RM2 500 seunit dengan bayaran pendahuluan RM3 000. Bakinya akan dibayar secara ansuran selama dua bulan bermula pada bulan Mac.
- (vi) Utiliti dibayar setiap 2 bulan sekali bermula Februari.

**Anda dikehendaki** menyediakan Belanjawan Tunai Kedai Buku Comel bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2023. [13 markah]

5 (b) Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Tae Yang pada 30 April 2023.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2023

	<b>RM</b>		<b>RM</b>
Kenderaan	36 000	Modal	X
Alatan pejabat	7 500	Akaun Belum Bayar	12 000
Inventori	4 300	Untung bersih	1 200
Akaun Belum Terima	6 200		
Bank	9 200		

Urus niaga yang berlaku pada bulan April adalah seperti berikut :

- (i) Menjual barang niaga secara kredit yang berkos RM520 dengan harga RM580.
- (ii) Membayar RM5 800 dengan cek kepada Akaun Belum Bayar. Terima diskau RM200.
- (iii) Sekeping cek daripada Akaun Belum Terima bernilai RM550 tidak dilayan oleh bank.
- (iv) Membayar kadar bayaran RM150 dengan cek.

**Anda dikehendaki menyediakan Jadual Persamaan Perakaunan yang menunjukkan kesan urus niaga pada bulan April 2023.** [7 markah]

**5 (b)**

	Aset					Liabiliti + Ekuiti Pemilik		
	Kenderaan	Alatan pejabat	Inventori	Akaun Belum Terima	Bank	Akaun Belum Bayar	Modal	Untung Bersih
Baki								
(i)								
(ii)								
(iii)								
(iv)								

6. Pada 1 Mac 2023, Puan Farhana memulakan perniagaan Farhana Enterprise yang menjual pakaian di Bukit Rambai. Beliau membawa masuk modal yang terdiri daripada tunai di tangan RM500, tunai dibankkan RM25 000 dan perabot RM10 000.

Berikut merupakan urus niaga perniagaan Farhana Enterprise sepanjang bulan Mac 2023.

SALINAN	No.: 45657				
<b>TEGUH BANKING BERHAD</b> Cawangan Bukit Rambai, Melaka.					
<b>BORANG WANG MASUK</b>					
Nama: Farhana Enterprise	Tarikh: 1 Mac 2023				
	No. Akaun: 020210914876				
RM100	RM50	RM10	RM5	RM1	Jumlah (RM)
250					25 000 00
Ringgit: Dua puluh lima ribu sahaja					
Diluluskan oleh, <i>Aiman</i>					

Dokumen 1

Asal	No Inv: A 1902																										
Kilang Pakaian Borong Haziq Kawasan Perindustrian Nilai, Selangor																											
<b>INVOIS</b>																											
Kepada:	Tarikh: 2 Mac 2023																										
Farhana Enterprise Bukit Rambai, Melaka																											
<table border="1" style="width: 100%;"><thead><tr><th style="text-align: center;">Butir</th><th style="text-align: center;">Kuantiti</th><th style="text-align: center;">Harga seunit</th><th style="text-align: center;">Jumlah (RM)</th></tr></thead><tbody><tr><td>Baju Kurung Izzah</td><td style="text-align: center;">250</td><td style="text-align: center;">50</td><td style="text-align: center;">12 500</td></tr><tr><td>Baju Kurta Fikri</td><td style="text-align: center;">350</td><td style="text-align: center;">35</td><td style="text-align: center;">12 250</td></tr><tr><td colspan="3" style="text-align: right;">Diskaun niaga 10%</td><td style="text-align: center;">24 750</td></tr><tr><td colspan="3" style="text-align: right;">Jumlah</td><td style="text-align: center;">2 475</td></tr><tr><td colspan="3" style="text-align: right;"></td><td style="text-align: center;">22 275</td></tr></tbody></table>				Butir	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah (RM)	Baju Kurung Izzah	250	50	12 500	Baju Kurta Fikri	350	35	12 250	Diskaun niaga 10%			24 750	Jumlah			2 475				22 275
Butir	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah (RM)																								
Baju Kurung Izzah	250	50	12 500																								
Baju Kurta Fikri	350	35	12 250																								
Diskaun niaga 10%			24 750																								
Jumlah			2 475																								
			22 275																								
(Ringgit: Dua puluh dua ribu dua ratus tujuh puluh lima sahaja)																											
Syarat: 5% 10 hari, Serahan: Angkutan dibayar K & K di K																											
<i>Haziq</i> Pengurus																											

Dokumen 2

Asal	No: 202						
<b>Kilang Pakaian Borong Haziq</b> Kawasan Perindustrian Nilai, Selangor							
<b>NOTA DEBIT</b>							
Kepada:	Tarikh: 3 Mac 2023						
Farhana Enterprise							
Bukit Rambai, Melaka							
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #cccccc;">Butir</th> <th style="background-color: #cccccc;">Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Caj angkutan barang</td> <td style="text-align: right;">150</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td style="text-align: right;">150</td> </tr> </tbody> </table>		Butir	Jumlah	Caj angkutan barang	150	Jumlah	150
Butir	Jumlah						
Caj angkutan barang	150						
Jumlah	150						
(Ringgit: Satu ratus lima puluh sahaja)							
<i>Haziq</i> Pengurus							

Dokumen 3

Tarikh:	<u>5 Mac 2023</u>																		
Penerima:	<u>Farhana Enterprise</u>																		
Kerana:	<u>Kegunaan perniagaan</u>																		
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #cccccc;">Ringgit</th> <th style="background-color: #cccccc;">Sen</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: right;">Baki akhir</td> <td style="text-align: right;">25 000</td> <td style="text-align: right;">00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">Dimasukkan</td> <td style="text-align: right;">-</td> <td style="text-align: right;">00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">Jumlah</td> <td style="text-align: right;">25 000</td> <td style="text-align: right;">00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">Cek ini</td> <td style="text-align: right;">3 000</td> <td style="text-align: right;">00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;">Baki</td> <td style="text-align: right;">22 000</td> <td style="text-align: right;">00</td> </tr> </tbody> </table>			Ringgit	Sen	Baki akhir	25 000	00	Dimasukkan	-	00	Jumlah	25 000	00	Cek ini	3 000	00	Baki	22 000	00
Ringgit	Sen																		
Baki akhir	25 000	00																	
Dimasukkan	-	00																	
Jumlah	25 000	00																	
Cek ini	3 000	00																	
Baki	22 000	00																	
No.: TBB897601																			

Dokumen 4

Salinan	No Inv: A 0001																										
Farhana Enterprise Bukit Rambai, Melaka																											
<b>INVOIS</b>																											
Kepada:	Tarikh: 6 Mac 2023																										
Farah Collection Masjid Tanah, Melaka.																											
<table border="1"><thead><tr><th>Butir</th><th>Kuantiti</th><th>Harga seunit</th><th>Jumlah (RM)</th></tr></thead><tbody><tr><td>Baju Kurung Izzah</td><td>100</td><td>80</td><td>8 000</td></tr><tr><td>Baju Kurta Fikri</td><td>100</td><td>60</td><td>6 000</td></tr><tr><td colspan="3"></td><td>14 000</td></tr><tr><td colspan="3">Diskaun niaga 10%</td><td>1 400</td></tr><tr><td colspan="3"></td><td>12 600</td></tr></tbody></table>				Butir	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah (RM)	Baju Kurung Izzah	100	80	8 000	Baju Kurta Fikri	100	60	6 000				14 000	Diskaun niaga 10%			1 400				12 600
Butir	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah (RM)																								
Baju Kurung Izzah	100	80	8 000																								
Baju Kurta Fikri	100	60	6 000																								
			14 000																								
Diskaun niaga 10%			1 400																								
			12 600																								
(Ringgit: Dua belas ribu enam ratus sahaja)																											
Syarat: 5% 10 hari, Serahan: Angkutan dibayar K & K di K																											
<i>Farhana</i> Pengurus																											

Dokumen 5

Asal	NK 0418																		
<b>NOTA KREDIT</b>																			
<p style="text-align: center;">Kilang Pakaian Borong Haziq Kawasan Perindustrian Nilai, Selangor</p>																			
Tarikh: 8 Mac 2023																			
<p>Kepada: Farhana Enterprise Bukit Rambai, Melaka.</p>																			
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Butir</th> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Kuantiti</th> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Harga seunit</th> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 5px;">Baju kurung Izzah (tersalah warna)</td> <td style="padding: 5px; text-align: center;">20</td> <td style="padding: 5px; text-align: center;">50</td> <td style="padding: 5px; text-align: center;">1 000</td> </tr> <tr> <td colspan="3" style="text-align: right; padding: 5px;"><u>Diskaun niaga 10%</u></td> <td style="padding: 5px; text-align: center;">1 000 100</td> </tr> <tr> <td colspan="3" style="text-align: right; padding: 5px;"><u>Jumlah</u></td> <td style="padding: 5px; text-align: center;">900</td> </tr> </tbody> </table> <p>(Ringgit: Sembilan ratus sahaja)</p>				Butir	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah (RM)	Baju kurung Izzah (tersalah warna)	20	50	1 000	<u>Diskaun niaga 10%</u>			1 000 100	<u>Jumlah</u>			900
Butir	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah (RM)																
Baju kurung Izzah (tersalah warna)	20	50	1 000																
<u>Diskaun niaga 10%</u>			1 000 100																
<u>Jumlah</u>			900																
<i>Haziq</i> Pengurus																			

Dokumen 6

<b>TEGUH BANKING BERHAD</b> <b>MAKLUMAN KREDIT</b>						
<b>Kepada:</b> Farhana Enterprise	<b>No akaun:</b> 020210914876	<b>Tarikh:</b> 15 Mac 2023				
Akaun anda telah dikreditkan seperti berikut:						
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Butir</th> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 5px;">Pinjaman Bank</td> <td style="padding: 5px; text-align: center;">RM20 000.00</td> </tr> </tbody> </table> <p>(Ringgit: <u>Dua puluh ribu sahaja</u>)</p>			Butir	Jumlah (RM)	Pinjaman Bank	RM20 000.00
Butir	Jumlah (RM)					
Pinjaman Bank	RM20 000.00					
<i>Zahar</i> Pengurus						

Dokumen 7

Salinan	BT 0001																
<b>BIL TUNAI</b> <b>FARHANA ENTERPRISE</b> <b>BUKIT RAMBAI, MELAKA</b>																	
Tarikh: 20 Mac 2023																	
Kepada:																	
Tunai																	
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; background-color: #d3d3d3;">Butir</th> <th style="text-align: center; background-color: #d3d3d3;">Kuantiti</th> <th style="text-align: center; background-color: #d3d3d3;">Harga seunit</th> <th style="text-align: center; background-color: #d3d3d3;">Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Baju Kurung Izzah</td> <td style="text-align: center;">70</td> <td style="text-align: center;">80</td> <td style="text-align: center;">5 600</td> </tr> <tr> <td>Baju Kurta Fikri</td> <td style="text-align: center;">85</td> <td style="text-align: center;">60</td> <td style="text-align: center;">5 100</td> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: center; border-top: none;">Jumlah</td> <td></td> <td style="text-align: center; border-top: none;">10 700</td> </tr> </tbody> </table>		Butir	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah (RM)	Baju Kurung Izzah	70	80	5 600	Baju Kurta Fikri	85	60	5 100		Jumlah		10 700
Butir	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah (RM)														
Baju Kurung Izzah	70	80	5 600														
Baju Kurta Fikri	85	60	5 100														
	Jumlah		10 700														
(Ringgit: Sepuluh ribu tujuh ratus sahaja)																	
Tunai/No.cek																	
<i>Farhana</i> <i>Pengurus</i>																	

Dokumen 8

ASAL	No.: 3501
<b>RESIT RASMI</b>	
<b>Kilang Pakaian Borong Haziq</b> <b>Kawasan Perindustrian Nilai, Selangor</b>	
Tarikh: 25 Mac 2023	
Diterima daripada	: Farhana Enterprise
Ringgit Malaysia	: Sepuluh ribu sahaja
Bayaran untuk	: Menjelaskan sebahagian invois A 1902
<u>RM10 000.00</u>	
Tunai/ No. cek: TBB897602	
<i>Haziq</i> <i>Pengurus</i>	

Dokumen 9

001/2023

**BAUCAR PEMBAYARAN**

FARHANA ENTERPRISE  
Bukit Rambai, Melaka

Kepada:  
Amir Marzuki

Tarikh: 28 Mac 2023

<b>Keterangan</b>	<b>RM</b>
Bayaran gaji bulan Mac 2023	1 500

(Ringgit: Satu ribu lima ratus ratus sahaja)  
Tunai/No. cek

*Amir*  
Penerima

*Farhana*  
Pengurus

Dokumen 10

<b>TEGUH BANKING BERHAD</b>		
<b>REKOD URUSAN</b>		<b>: DEPOSIT</b>
<b>TARIKH</b>	<b>TEMPAT</b>	<b>MASA</b>
30 / 03 / 2023	24HMART BR	18:31 PM
DARI KEPADAA NOMBOR AKAUN JUMLAH	OTHERS A/C 020210914876 RM9 900	
RM1 0	RM5 0	RM10 0
RM20 0	RM50 0	RM100 99

Dokumen 11

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Jurnal Am [6 markah]  
(b) Jurnal Khas [6 markah]  
(c) Buku Tunai [8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

## LAMPIRAN A

**PERNIAGAAN SERI MUTIARA**  
**JADUAL PERSAMAAN PERAKAUNAN**

---

**MASYHUR 2024**

**PRINSIP PERAKAUNAN**

**SKEMA JAWAPAN**

---

## JAWAPAN BAHAGIAN A: SOALAN 1

### Tingkatan 4

1.

Bil	pernyataan	Ciri-ciri Kepimpinan
i.	Tanggungjawab individu atau jabatan untuk melaksanakan fungsi tertentu dalam perakaunan.	Akauntabiliti
ii.	Keupayaan akauntan untuk menyampaikan maklumat perakaunan secara adil dan objektif kepada semua pihak yang berkepentingan dalam perniagaan.	Kredibiliti

2. -gaji

-insurans

-sewa

-kadar bayaran

-belanja am

-alat tulis

-susut nilai

3. (i) invois asal

(ii) invois salinan

4. -catatan pembukaan

-belian dan jualan aset bukan semasa secara kredit

-Ambilan barang niaga dan aset bukan semasa

-Modal tambahan selain tunai dan bank

-Catatan penutupan

5. -memudahkan jumlah baki keseluruhan Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar dihitung.

-Untuk menyemak ketepatan catatan dalam Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar.

-untuk mengimbangkan Lejar Am

6.

Bil	Huraian	Sistem Inventori
i.	Peniaga tidak menyimpan rekod inventori keluar dan masuk. Inventori akan ditentukan pada akhir suatu tempoh perakaunan.	Sistem Inventori Berkala
ii.	Peniaga akan dapat mengesan pergerakan keluar dan masuk.	Sistem Inventori Berterusan
iii.	Digunakan oleh pasar raya besar	Sistem Inventori Berterusan

7. Akaun Aset

- Akaun Liabiliti
- Akaun Modal
- kerana baki akhir pada tempoh perakaunan perlu dibawa ke tempoh perakaunan akan datang.

8. -Akaun Nominal (Belanja Prabayar, Belanja Belum Bayar, Hasil Belum Terima, Hasil Belum Terperoleh)  
-Hutang lapuk, Hutang Lapuk Terpulih, dan Peruntukan Hutang Ragu  
-Susut Nilai dan Susut Nilai Terkumpul  
-Pelupusan aset bukan semasa secara tunai

9.

Bil	Perkara	Jenis kesilapan
i.	Bayaran gaji RM3 000 telah didebitkan dalam Akaun Gaji tetapi tidak direkodkan dalam Akaun Tunai.	Merekodkan pada satu akaun sahaja
ii.	Membayar pengiklanan RM1 000 dengan tunai direkodkan di bahagian debit Buku Tunai dan Akaun Pengiklanan di bahagian kredit.	Kesilapan terbalik atau songsang

## **BAHAGIAN A: SOALAN 1**

### **Tingkatan 5**

1. -Nisbah Ujian Asid
2. - Untung atau rugi sukar ditentukan
  - kesilapan sukar dikesan di dalam buku perniagaan.
  - penyata kewangan sukar disediakan
  - perbandingan prestasi perniagaan tidak dapat dilakukan dengan tepat.
  - Imbangan Duga tidak dapat disediakan kerana rekod diragui.
3. -membuat pinjaman daripada institusi kewangan
  - meningkatkan jualan
  - mengurangkan perbelanjaan perniagaan
4. -untung atau rugi dibahagi secara sama rata antara pekongsi
  - Faedah 8% setahun dibayar atas pinjaman pekongsi
  - Faedah tidak dibayar atas modal pekongsi
  - Pekongsi yang menguruskan perkongsian tidak dibayar gaji
  - Setiap pekongsi berhak menguruskan perniagaan
  - Buku akaun perkongsian disimpan di premis perniagaan
5. Syer Biasa
  - Kadar dividen tidak tetap
  - Dividen diberikan sekiranya ada lebihan daripada keuntungan syarikat setelah dividen Syer Keutamaan dibayar.
  - Mempunyai hak mengundi untuk melantik lembaga pengarah semasa Mesyuarat Agung Tahunan,
  - Tuntutan modal hanya boleh dibuat setelah tuntutan pemegang Syer Keutamaan dan semua liabiliti diselesaikan.
  - Tiada tunggakan dividen atau bersifat timbun tambah (kumulatif)

#### **Syer Keutamaan**

- Kadar dividen tetap
- Menerima dividen terlebih dahulu daripada pemegang Syer Biasa
- Tiada hak untuk melantik Lembaga Pengarah dalam Mesyuarat Agung Tahunan
- Berhak membuat tuntutan modal sekiranya syarikat dibubarkan
- Tunggakan dividen akan dibayar kepada pemegang Syer Keutamaan pada tahun perakaunan yang lain, sekiranya pada tahun semasa syarikat mengalami kerugian.

6.

Bil	Keterangan	Jenis Yuran
i.	Yuran belum terima pada tahun kewangan yang lepas dihapuskan dalam tahun perakaunan semasa kerana tidak dapat dikutip daripada ahli.	Yuran Lapuk
ii.	Yuran yang dibayar oleh ahli yang baru.	Yuran masuk

7. (a) Kos berubah seunit = Jumlah Kos berubah

$$\text{Jumlah Unit Keluaran}$$

$$\text{Kos berubah seunit} = \text{RM}120\,000$$

$$20\,000$$

$$\text{Kos Berubah Seunit} = \text{RM } 6$$

**JAWAPAN PERSAMAAN PERAKAUNAN**

**PERNIAGAAN SERI MUTIARA**

**JADUAL PERSAMAAN PERAKAUNAN**

		ASET				LIABILITI DAN EKUITI PEMILIK				
